

## Antropologi Linguistik

ABDULLAH JUMAIN ABU SAMAH

### ABSTRAK

*Kajian-kajian antropologi yang melibatkan bidang linguistik dapat digolongkan ke dalam tiga aras yang berlainan iaitu, (1) menguasai bahasa dan pengetahuan-pengetahuan linguistik bagi sesuatu bahasa asing yang masyarakatnya hendak dikaji, (2) menggunakan data-data linguistik bagi pencerminan budaya sesuatu masyarakat yang hendak diselidiki, dan (3) memperlihatkan hubungan di antara hakikat bahasa dengan budaya atau hubungan di antara teori-teori linguistik dengan teori-teori kebudayaan. Antropologi linguistik adalah berkait dengan aras yang kedua. Antropologi linguistik yang menggunakan perspektif diakronik mempunyai premis bahawa perubahan-perubahan linguistik dapat menjelaskan tentang perubahan-perubahan sosial atau budaya.*

### ABSTRACT

*Anthropological studies which involve language and linguistic could be classified into three different levels; (1) knowing the language and the linguistic knowledge whose society is to be studied, (2) collecting the linguistic data for manifesting the culture being studied, and (3) seeing the correlations between the language and culture or the relations between the theories of language and the theories of culture. Linguistic anthropology involves directly the second level. The study in linguistic anthropology which focuses on the diachronic perspective has the premis that the culture or social changes could be manifested by the study of linguistic changes.*

### PENGENALAN

Antropologi linguistik adalah suatu bidang yang bersifat *hybrid field*; pada sebahagiannya antropologi dan pada sebahagiannya lagi linguistik. Seperti yang dijelaskan oleh Hymes (1983:22), bidang ini pernah dikenali dengan berbagai-bagai nama misalnya *ethnological philology*, *linguistic ethnology*, *ethnology and philology* dan juga *linguistic and ethnology*. Pada masa kini, bidang berkenaan lebih dikenali dengan nama *linguistic anthropology*. Suatu istilah lain yang sering digunakan ialah *anthropological linguistics*.

Dilihat secara lebih eksplisit, walaupun antropologi linguistik merupakan suatu bidang yang bersifat dua disiplin yang bercantum tetapi bidang ini lebih mirip kepada bidang antropologi. Frasa *linguistic anthropology* dengan jelasnya mencerminkan situasi berkenaan; *anthropology* wujud sebagai inti kepada frasa tersebut dan *linguistic* hanyalah merupakan keterangan tentang 'jenis antropologi'. Berdasarkan kepada hakikat inilah penulis menyebut bidang ini sebagai antropologi-linguistik. Struktur frasa "antropologi-linguistik" dalam bahasa Melayu memperlihatkan 'antropologi' sebagai inti dan linguistik hanyalah merupakan keterangan kepada 'jenis antropologi'.

Oleh kerana bidang ini bersifat dua disiplin yang bercantum tidak ada suatu garis pemisah di antara antropologi-linguistik sama ada dengan antropologi mahupun dengan linguistik. Sekiranya digunakan analogi, kedudukan antropologi-linguistik adalah seumpama kedudukan 'selembu' yang pada sebahagiannya seladang dan pada sebahagiannya lagi ialah lembu. Walau bagaimanapun selembu bukanlah pula merupakan seekor seladang mahupun seekor lembu.

Telah diperlihatkan bahawa bidang ini pernah dikenali dengan berbagai-bagai nama. Hymes (1983:22) menjelaskan bahawa penggunaan istilah-istilah yang silih berganti ini memperlihatkan antropologi-linguistik bukanlah merupakan bidang yang benar-benar bebas sama ada dari disiplin antropologi mahupun dari disiplin linguistik. Antropologi-linguistik juga tidak terasimilasi sepenuhnya (*wholly assimilated*) ke dalam salah satu disiplin yang berkenaan. Hymes selanjutnya menjelaskan bahawa istilah *linguistic anthropology* pernah digunakan oleh sarjana-sarjana seumpama Lowie, Kroeber dan Emeneau. Istilah *anthropological linguistics* pula pernah digunakan oleh beberapa orang sarjana, termasuk Voegelin, Herskovit, Daneby, Hockett dan Pittenger pula menggunakan kedua-dua istilah.

Anthropologi-linguistik adalah suatu bidang yang berbeza sama ada dengan antropologi tulen (*anthropology proper*) mahupun dengan linguistik tulen (*linguistic proper*). Secara kasar, antropologi-linguistik memperlihatkan hubungan sama ada dengan antropologi mahupun dengan linguistik sedangkan antropologi tulen dan linguistik tulen tetap dengan sifat asal tiap-tiap disiplin. Antropologi-linguistik yang memberikan tumpuan kepada perspektif diakronik pada dasarnya berusaha mengkaji fenomena-fenomena kebudayaan masa lampau. Walau bagaimanapun adalah tidak wajar menyamakannya dengan linguistik sejarah iaitu salah satu cabang kepada disiplin linguistik.

Walaupun antropologi-linguistik dan linguistik sejarah berlandaskan kepada perspektif diakronik dan menggunakan data-data linguistik sebagai sumber, tetapi matlamat bagi tiap-tiap bidang ini adalah berbeza. Bidang antropologi-linguistik bertujuan memaparkan fenomena-fenomena kebudayaan sedangkan linguistik sejarah lebih menumpukan

perhatian kepada hakikat-hakikat bahasa. Bidang antropologi-linguistik juga bersifat lebih luas; bidang antropologi-linguistik yang memberikan tumpuan kepada perspektif diakronik memerlukan linguistik sejarah (yang juga melibatkan linguistik perbandingan) sedangkan linguistik sejarah tidak memerlukan pengetahuan antropologi sebagai dasar bertitik tolak.

Dilihat sebagai suatu keseluruhan, tidak ada suatu garis pemisah secara total di antara antropologi-linguistik sama ada dengan linguistik mahupun dengan antropologi. Situasi inilah yang menyebabkan nama bagi bidang yang berkenaan kini disebut sebagai *linguistics anthropology* dan di samping itu disebut juga sebagai *anthropological linguistics*. Sekiranya kedua-dua frasa ini dianalisis dari sudut struktur dan diberikan perhatian kepada analisis semantik, didapati kedua-dua frasa ini membawa maksud yang agak berlainan. Inti kepada *linguistics anthropology* ialah 'anthropology', sedangkan inti kepada *anthropological linguistics* ialah 'linguistics'.

Antropologi-linguistik yang berlandaskan kepada perspektif sejarah atau diakronik juga seperti bidang linguistik paleontologi (*linguistics paleontology*) yang memberikan tumpuan kepada kajian-kajian pra-sejarah. Kedua-dua bidang ini sama-sama menggunakan data-data linguistik sebagai sumber. Dari keterangan Smith dan Fischer (1970:52) dapat dilihat bahawa bidang antropologi-linguistik bukanlah sahaja terbatas kepada kajian-kajian yang memberi tumpuan kepada perspektif diakronik tetapi melibatkan juga kajian-kajian yang bertumpu kepada perspektif sinkronik. Dengan yang demikian, dapat dilihat bahawa skop antropologi-linguistik adalah jauh lebih luas. Linguistik paleontologi yang berlandaskan kepada bidang antropologi juga wajar digolongkan sebagai antropologi-linguistik.

Bidang antropologi-linguistik adalah bersifat dua disiplin yang bercantum dan dengan yang demikian sesuatu kajian dalam bidang ini mungkin memperlihatkan 'darjah' yang berlainan tentang penonjolan tiap-tiap satu bidang sama ada linguistik atau pun antropologi. Sifat sedemikian menyebabkan bidang ini wajar di sebut sama ada sebagai *linguistics anthropology* atau pun *anthropological linguistics*.

Greenberg dalam artikelnya "*Historical Linguistics and Unwritten Language*" (Kroeber 1970:284) masih menggunakan istilah *ethnolinguistics* bagi bidang yang dikenali sebagai antropologi linguistik ini. Dari jodol artikel yang ditulis oleh Greenberg dengan jelasnya dapat dilihat bahawa bidang ethnolinguistik ini (antropologi-linguistik) berkait secara langsung dengan linguistik sejarah. Situasi ini dengan jelasnya pula menggambarkan kepada kita bahawa tidak ada suatu garis yang memisahkan secara total di antara antropologi-linguistik dengan linguistik.

Greenberg menyatakan bahawa bidang yang disebutnya sebagai ethnolinguistik itu terletak di antara dua disiplin iaitu (1) etnologi, dan (2) linguistik. Secara ringkas 'etnologi' adalah kajian tentang sesuatu masyarakat atau etnik dan 'linguistik' pula ialah kajian yang bersifat saintifik tentang bahasa. Berdasarkan kepada penjelasan ini dapat dilihat bahawa kajian ethnolinguistik atau antropologi-linguistik bukanlah cuma berasaskan kepada linguistik semata-mata, atau kajian antropologi yang tidak melibatkan data-data bahasa sebagai sumber.

#### KEPENTINGAN DATA LINGUISTIK BAGI KAJIAN YANG MENGUNAKAN PERSPEKTIF DIAKRONIK

Bidang antropologi-linguistik menggunakan data-data bahasa sebagai sumber. Penggunaan data-data bahasa atau data-data linguistik mempunyai kepentingan yang tertentu. Seperti yang dijelaskan oleh Strutevant (Honigman 1973:124), sesuatu kajian yang berlandaskan kepada perspektif sejarah iaitu sesuatu kajian yang tidak dapat diasaskan kepada teks atau dokumen, wajar menggunakan data-data linguistik sebagai sumber yang dapatan-dapatannya dapat meyakinkan. Validiti data-data linguistik adalah sejajar dengan validiti kajian-kajian yang berasaskan kepada data-data biologi yang termasuk juga tinggalan-tinggalan arkeologi. Sastera lisan yang banyak bercampur-aduk dengan metos dan legenda adalah sebahagian daripada data-data kebudayaan yang sukar dianalisis untuk interpretasi yang tepat. Berhubung dengan perkara ini, Sturtevant menyebut:

Inferences about history can be made from three kinds of data: biological data on man and plants and animals he uses, linguistic data, and cultural data. In general, inferences based on biological data and linguistic data can be made with more confidence than those based on cultural data.

Pada dasarnya, sejarah masa lampau adalah menjadi minat ahli-ahli arkeologi. Di samping ahli-ahli arkeologi, pengkaji-pengkaji dalam bidang etnologi yang berorientasikan perspektif sejarah (*historically oriented ethnologists*) juga mempunyai tumpuan minat yang sama.

Dari penjelasan ini dapat dilihat bahawa sejarah masa lampau iaitu sejarah yang tidak dapat didasarkan kepada sesuatu teks atau dokumen diberikan perhatian oleh pengkaji-pengkaji dari dua bidang yang berbeza dengan sumber-sumber atau data-data yang juga berbeza. Tidak semua fenomena sosial atau budaya pada masa lampau dapat dicerminkan kembali melalui tinggalan-tinggalan arkeologi dan dengan yang demikian di mana mungkin data-data linguistik adalah perlu dijadikan sebagai bahan penyelidikan. Pengkaji dalam bidang etnologi yang memberikan tumpuan kepada fenomena sosial atau budaya masa lampau dengan

menggunakan data-data linguistik sebagai sumber adalah tergolong sebagai ahli-ahli antropologi-linguistik.

Pengkaji dalam bidang linguistik sejarah turut menggunakan data-data linguistik yang dianalisis secara perbandingan bagi tujuan rekonstruksi khususnya bagi mendapatkan asal-usul sesuatu bahasa atau pun pertalian di antara bahasa-bahasa serumpun sama ada berkaitan dengan sistem fonologi, aspek morfologi, sintaksis dan semantik. Tumpuan kajian dalam bidang linguistik sejarah adalah pada dasarnya berkisar kepada soal-soal bahasa.

Bidang antropologi-linguistik yang berlandaskan kepada perspektif diakronik atau sejarah turut memanfaatkan penemuan-penemuan dalam bidang linguistik sejarah. Tetapi yang menjadi minat kajian bukanlah bertumpu kepada soal-soal bahasa tetapi fenomena-fenomena sosial atau budaya yang dapat dimanifestasikan melalui data-data bahasa atau data-data linguistik yang diperolehi. Ahli-ahli linguistik sejarah dan ahli-ahli antropologi yang cuba merekonstruktikan sejarah kebudayaan masa lampau mempunyai 'beban' yang agak berlainan. Ahli-ahli antropologi-linguistik seharusnya menguasai bidang linguistik sedangkan ahli-ahli linguistik sejarah tidak memerlukan sangat pengetahuan dalam bidang antropologi.

Pada dasarnya ahli-ahli linguistik lebih menjurus ke arah usaha menghuraikan bahasa secara diskriptif sama ada berkaitan dengan struktur dalaman, struktur permukaan, aspek-aspek fonologi, morfologi dan sebagainya. Greenberg (Kroeber 1970:284) menjelaskan bahawa bukti-bukti linguistik bagi pemaparan fenomena-fenomena kebudayaan adalah tidak menarik perhatian ahli-ahli linguistik. Mereka lebih cenderung untuk memberikan penghuraian tentang struktur-struktur linguistik itu sendiri. Menggunakan disiplin linguistik bagi pemaparan sejarah masa lampau adalah merupakan minat ahli-ahli antropologi-linguistik; seperti yang telah disebut, Greenberg menamakan bidang ini sebagai etnolinguistik. Berhubung dengan bidang berkenaan, Greenberg menjelaskan:

On the other hand, the linguist is often not greatly interested in problems of culture history, and the recent trend toward concentration in descriptive problems of linguistic structures draws him still further from the ordinary preoccupations of archeologists and historically oriented ethnologists. Perhaps the ultimate solution is an intermediate science, ethnolinguistics, which will treat the very important interstitial problems, both synchronic and historical, which lie between the recognized fields of ethnology and linguistics.

Perbezaan di antara minat dalam disiplin linguistik berbanding dengan antropologi-linguistik turut disentuh oleh Smith dan Fischer (1970:52). Smith dan Fischer menjelaskan bahawa ahli-ahli linguistik pada dasarnya memberikan penghuraian kepada sesuatu bahasa yang dikaji, melakukan berbagai-bagai klasifikasi dan di samping itu menjelaskan sama ada

tentang persamaan atau pun tentang perbezaan. Smith dan Fischer seterusnya menjelaskan bahawa penyelidikan linguistik dalam bidang antropologi sama-sama mengongsi minat tersebut tetapi minat ahli-ahli antropologi yang turut menggunakan disiplin linguistik adalah lebih luas. Permasalahan yang dijadikan sebagai fokus adalah bertumpu kepada permasalahan dalam bidang antropologi dan begitu juga tentang sesuatu 'kerja' yang dijalankan dengan menggunakan linguistik sebagai ilmu bantu. Dalam konteks melakukan sesuatu penyelidikan, antropologi dan linguistik digunakan secara sejajar.

Dalam semua kajian, data-data yang benar-benar bersangkutan-paut (*relevant*) adalah perlu. Bagi menyingkap fenomena kebudayaan pada masa lampau, data-data linguistik yang diperlukan untuk tujuan analisis seharusnya diperolehi terlebih dahulu. Persoalannya ialah, bagaimanakah data-data ini dapat dipungut? Berhubung dengan perkara ini, Tovar (Malmberg 1972:32) dengan jelasnya menyatakan bahawa data-data yang diperolehi itu bukanlah diambil atau didasarkan daripada sesuatu teks atau dokumen. Berhubung dengan perkara ini, Tovar menjelaskan:

The important thing for us, however, is not the transformation of prehistory into history through the reading of texts, but the degree to which linguistics may be used to throw light on those parts of prehistory for which texts are scarce, obscure or completely lacking. In this case, we have to look for linguistic elements else where than in texts and documentation.

Dari keterangan Tovar, dengan jelasnya dapat dilihat bahawa analisis data-data linguistik adalah perlu bagi sesuatu kajian di mana sesuatu teks atau dokumen sukar diperolehi atau tidak dapat diperolehi langsung. Dalam situasi seumpama ini, data-data linguistik dapat dijadikan sebagai suluh kepada fenomena dalam zaman pra-sejarah yang dikaji. Data-data ini adalah diperolehi dari bahasa 'cucu-cicit' atau generasi sesuatu masyarakat yang dikaji. Tumpuan perhatian ialah kepada bentuk bahasa proto. Mengikut keterangan Blust (1986:1):

In historical linguistics a proto-language is the hypothetical ancestor of a group of attested languages which is inferred, or "reconstructed", on the basis of systematic similarities among its attested decendants or "daughter languages".

Sesuatu bahasa proto dapat direkonstruksi melalui linguistik perbandingan. Rekonstruksi bahasa proto tidak melibatkan kata-kata yang membawa konsep baru atau kata-kata yang dipinjam dari bahasa-bahasa asing. Berbagai-bagai dialek tergolong ke dalam satu bahasa yang sama. Kosakata dalam sesuatu kumpulan dialek boleh juga dibandingkan antara satu dengan lain berkait dengan sistem pertalian bunyi dan seterusnya direkonstruksikan sebutan dalam bahasa proto bagi kumpulan dialek yang berkenaan; perbandingan juga boleh dilakukan bagi rekonstruksi bahasa proto untuk sesuatu kumpulan isolek atau lebih luas lagi iaitu rekonstruksi berkait dengan suatu kumpulan bahasa-bahasa

yang serumpun. Setelah diperolehi sesuatu bahasa proto bagi sesuatu kumpulan dialek atau sesuatu kumpulan isolek, digalurkan lagi bahasa proto yang lebih awal dan begitulah seterusnya hingga dimanifestasikan bentuk bahasa yang paling purba sifatnya.

Rekonstruksi yang melibatkan perbandingan di antara dialek-dialek atau isolek-isolek adalah lebih mudah oleh kerana berbidang kecil berbanding dengan rekonstruksi yang melibatkan seluruh rekonstruksi bagi mengenalpasti bahasa yang paling purba iaitu bahasa induk yang melahirkan berbagai-bagai bahasa serumpun. Rekonstruksi pada peringkat dialek dan juga pada peringkat isolek dapat menggambarkan bahasa proto yang paling dekat atau erat kaitannya dengan sesuatu kumpulan dialek atau sesuatu kumpulan isolek. Data-data yang dipilih dari sesuatu kumpulan dialek atau isolek atau juga dalam perbandingan yang lebih luas misalnya perbandingan antara bahasa-bahasa serumpun ialah sesuatu istilah yang sebutan dan maknanya didapati sama atau hampir sama sebagaimana yang terdapat dalam dialek-dialek, isolek-isolek atau bahasa-bahasa yang dibandingkan itu.

Pada dasarnya mengkaji pertalian bunyi di antara dialek, isolek atau bahasa yang dikaji itu melibatkan 'kerja-kerja' dalam bidang linguistik sejarah atau linguistik perbandingan. Bagi ahli-ahli antropologi-linguistik rekonstruksi yang berkaitan adalah penting untuk dimanfaatkan kepada kepentingan antropologi. Di antara perkara pokok yang menjadi fokus kepada ahli antropologi-linguistik ialah mengenalpasti wujud atau tidaknya sesuatu istilah dalam sesuatu kumpulan dialek atau sesuatu kumpulan dialek atau sesuatu kumpulan isolek atau sesuatu kumpulan bahasa serumpun itu pada peringkat proto.

Analisis pada peringkat dialek dan isolek tidaklah begitu sukar. Sesuatu perkataan yang bukan merupakan kata pinjaman atau kata yang baru, iaitu dalam keadaan sekiranya sesuatu perkataan yang berkenaan mempunyai sebutan dan makna yang sama atau hampir sama maka sebagai kesimpulannya perkataan tersebut adalah berasal dari bahasa proto kepada sesuatu kumpulan dialek atau isolek yang dikaji. Kajian-kajian yang berbidang lebih besar misalnya kajian komparatif yang melibatkan bahasa-bahasa Austronesia di bahagian sebelah barat adalah lebih sukar kerana melibatkan rekonstruksi yang lebih luas dan pada beberapa tahap bahasa proto.

Dari penghuraian ini dapat dilihat dengan jelas bahawa antropologi-linguistik yang menggunakan perspektif diakronik sama ada secara langsung atau tidak langsung memerlukan bidang linguistik sejarah atau linguistik perbandingan. Sehingga hari ini, kajian-kajian yang bersifat komparatif masih dilakukan. Walau bagaimanapun amat sayang sekali kerana kajian linguistik perbandingan yang melibatkan juga bidang linguistik sejarah itu seolah-olah telah menafikan hakikat bahawa bahasa

boleh berkembang dari dalam sesuatu bahasa itu sendiri. Kenyataan ini lebih mudah difahami dengan memberi suatu contoh.

Bahasa Austronesia Purba misalnya telah melahirkan berbagai-bagai bahasa yang pada hari ini digolongkan ke dalam suatu rumpun yang sama iaitu bahasa Austronesia. Dilihat dalam konteks masa, perkembangan bahasa Austronesia Purba kepada berbagai-bagai bahasa yang ada pada hari ini bukanlah teretus dalam suatu masa yang singkat tetapi melibatkan ribuan tahun. Dalam proses lahirnya berbagai-bagai bahasa dari suatu bahasa induk itu, sudah tentulah timbul kosakata-kosakata baru dalam sesuatu bahasa kerana bahasa berkeupayaan berkembang selaras dengan berkembangnya kebudayaan. Apabila bahasa Melayu dilahirkan dari bahasa Melayu-Iban misalnya, adalah amat berkemungkinan bahawa melalui masa kosakata dalam bahasa Melayu itu sendiri berkeupayaan berkembang dari dalam selaras dengan keperluan-keperluan penutur-penutur bahasa Melayu pada masa itu.

Bahasa adalah sebahagian dari kebudayaan. Oleh itu bahasa seperti juga kebudayaan, bersifat dinamis dan boleh berkembang sama ada dari dalam mahupun dari luar. Dengan yang demikian, dalam konteks meneliti kosakata Bahasa Austronesia Purba misalnya, rekonstruksi yang menjelaskan proses perkembangan sesuatu bahasa dari dalam tidak seharusnya diabaikan. Ada kemungkinan misalnya sesuatu istilah dalam beberapa bahasa serumpun sekiranya didapati sama atau hampir sama dari aspek sebutan atau makna, bukan berasal dari Bahasa Austronesia Purba tetapi sebenarnya berkembang lebih kemudian iaitu dari salah satu bahasa yang wujud sebagai cabang kepada Bahasa Austronesia, dan perkataan ini 'melimpah' penggunaannya ke bahasa-bahasa serumpun khususnya yang dekat dari aspek geografi. Kajian-kajian tentang perkembangan bahasa Melayu dari dalam pernah dilakukan melalui pembentukan kata selapis sebagai proses tertua morfologi bahasa Melayu (Abdullah Jumain 1986:9 - 37). Pembentukan kata selapis ini adalah berkait secara langsung dengan *accidence fromation* yang dikemukakan oleh Partridge (1970:132).

Kenyataan tentang berkeupayaannya sesuatu bahasa itu berkembang dari dalam sebagaimana yang diperkatakan ini adalah suatu peringatan secara tidak langsung kepada pengkaji-pengkaji sama ada dalam bidang linguistik sejarah mahupun dalam bidang antropologi-linguistik bahawa dalam konteks menganalisis data, faktor berkeupayaannya sesuatu bahasa itu berkembang dari dalam dan kemungkinan kosakata-kosakata yang berkembang ini melimpah penggunaannya ke dalam beberapa bahasa serumpun yang hampir dari segi kedudukan geografi, tidak seharusnya diabaikan. Hakikat ini amat perlu diberikan perhatian supaya analisis-analisis linguistik berdasarkan kepada kepentingan antropologi dapat dimanfaatkan daripada data-data yang sah.



Keterangan yang telah diberikan adalah lanjutan penghuraian tentang pengambilan data-data linguistik yang mengikut keterangan Tovar (Malmberg 1972:32) bukannya diambil dari sesuatu teks atau dokumen. Data-data yang diambil adalah dari data-data yang melibatkan bahasa yang dituturkan oleh 'cucu-cicit' atau generasi sesuatu masyarakat yang dikaji. Keterangan selanjutnya yang telah diberikan oleh penulis ialah gambaran umum tentang rekonstruksi sesuatu kumpulan dialek, isolek atau bahasa-bahasa serumpun. Dalam keterangan yang diberi ini, diperhitungkan juga tentang fenomena linguistik yang ada kaitannya dengan perkembangan dari dalam yang berlaku dalam sesuatu bahasa iaitu suatu hakikat yang tidak seharusnya diabaikan.

Bidang antropologi-linguistik yang menggunakan perspektif sejarah atau perspektif diakronik menggunakan bahasa sebagai sumber. Di samping itu ia berpegang kepada premis bahawa perubahan linguistik dapat menjelaskan perubahan sosial atau budaya. Premis yang sedemikian ini turut dijelaskan oleh Henry dan Renee Kahane serta Roberta Ash (Carr & Rauch 1979:67 – 121). Mereka menyatakan bahawa data-data linguistik adalah suatu manifestasi yang sejajar (analogue) kepada peristiwa-peristiwa sejarah. Dapat dilihat bahawa sekiranya data-data linguistik merupakan suatu manifestasi yang sejajar dengan peristiwa-peristiwa sejarah maka perubahan-perubahan linguistik juga dengan sendirinya dapat memaparkan perubahan-perubahan sosial atau budaya yang ada kaitannya dengan peristiwa-peristiwa sejarah.

Dari keterangan yang telah diberi iaitu dengan berdasarkan kepada kenyataan Sturtevant (Honigman 1973:124) dapat dilihat bahawa dapatan yang dianalisis berdasarkan kepada data-data linguistik adalah sama validnya dengan analisis yang didasarkan kepada data-data biologi atau tinggalan arkeologi. Dapatan yang diperolehi dari kedua-dua jenis data ini adalah lebih meyakinkan berbanding dengan dapatan yang diperolehi dengan menggunakan data-data kebudayaan. Ahli-ahli antropologi-linguistik mempunyai pegangan bahawa data-data linguistik dapat memberikan penjelasan tentang hakikat kebudayaan. Walau bagaimanapun ada kemungkinannya pandangan yang seumpama ini tidak sejajar dengan pandangan sebilangan ahli-ahli antropologi sosial atau pun di kalangan ahli-ahli linguistik tulen.

Mengikut keterangan Ikegami dalam artikelnya yang berjudul "*Meaning For The Linguists and 'Meaning' For The Anthropologists*" (McCormack & Wurm 1977:84 – 85), kelainan-kelainan pendapat atau pandangan sebagaimana yang dijelaskan ini adalah disebabkan oleh wujudnya orientasi yang berbeza. Ikegami menjelaskan bahawa kelainan-kelainan orientasi yang menyebabkan wujudnya pandangan atau pegangan yang berbeza itu seharusnya disedari bagi mengelakkan timbulnya salah faham yang bersifat sia-sia. Berhubung dengan perkara ini Ikegami menjelaskan:

The clear recognition of this fundamental difference will help avoid unnecessary misunderstanding among linguists, linguistically oriented anthropologists and socially oriented anthropologists.

### PENGETAHUAN LINGUISTIK BAGI AHLI ANTROPOLOGI

Linguistik dan antropologi dapat dilihat sebagai dua bidang yang berbeza. Walau bagaimanapun linguistik mempunyai kepentingan yang tertentu bagi ahli-ahli antropologi. Secara langsung atau tidak langsung bahasa turut menjadi tumpuan dalam bidang antropologi kerana bahasa adalah bahagian dari kebudayaan. Selain dari itu, bahasa juga menjadi alat yang penting bagi membolehkan transmisi dan penyebaran kebudayaan. Bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi walaupun dikaji melalui suatu bidang yang khusus iaitu linguistik tetapi bagi tujuan-tujuan tertentu, antropologi masih memberikan perhatian kepada bahasa.

Dilihat sebagai suatu keseluruhan, dan dari peristilahan yang merujuk kepada disiplin, dapat disedari-bahawa walaupun antropologi-linguistik merupakan suatu bidang yang tersendiri sifatnya tetapi bidang ini tidak mungkin wujud sebagai disiplin yang secara total terpisah dengan tiap-tiap satu dari bidang-bidang yang menjadi terasnya. Dengan yang demikian, amat sukar menentukan garis pemisah di antara antropologi, antropologi-linguistik dan linguistik. Walaupun tidak ada garis pemisah di antara ketiga-tiga bidang ini tetapi corak sesuatu kajian atau penulisan dapat dilihat sama ada bersifat antropologi sahaja atau linguistik semata-mata atau pun melibatkan kedua-dua disiplin yang berkenaan. Sesuatu kajian antropologi yang melibatkan linguistik atau sesuatu kajian linguistik yang melibatkan antropologi seharusnya dipastikan 'darjah penglibatannya' tentang sesuatu bidang yang turut digunakan.

Dari keterangan Ardener (1971:xii) dapat dilihat bahawa penglibatan ahli-ahli antropologi sosial British tentang bahasa dapat dibahagikan kepada tiga aras yang berlainan iaitu (1) aras yang bersifat teknikal, (2) aras yang bersifat pragmatik, dan (3) aras yang berkaitan dengan sesuatu penghuraian teoretis. Tiap-tiap satu aras sebagaimana yang dijelaskan oleh Ardener, walaupun cuma bertumpu kepada penglibatan ahli-ahli antropologi sosial British tetapi aras-aras yang dinyatakannya itu dapat memberikan gambaran yang bersifat am tentang bentuk atau jenis penglibatan ahli-ahli antropologi yang lain tentang soal-soal bahasa.

Aras yang bersifat teknikal melibatkan usaha-usaha mengetahui atau mempelajari dan seterusnya menggunakan sesuatu bahasa asing yang masyarakat atau kelompoknya ingin dikaji. Dalam konteks ini, pengetahuan tentang bahasa yang digunakan oleh sesebuah masyarakat atau kelompok yang hendak dikaji itu adalah merupakan suatu keperluan. Menggunakan penterjemah walaupun berkemungkinan dilakukan tetapi amat baik lagi sekiranya seseorang ahli antropologi itu dapat

menggunakan sendiri bahasa bagi masyarakat atau kelompok yang ingin dikaji. Mempelajari bahasa tidak memerlukan ilmu linguistik. Walau bagaimanapun adalah lebih baik sekiranya seseorang pengkaji itu mengetahui bidang linguistik apabila cuba menguasai bahasa bagi masyarakat atau kelompok yang menjadi sasaran kajian.


Aras yang bersifat pragmatik adalah berlainan. Kajian-kajian antropologi pada aras ini melibatkan penggunaan data-data linguistik di mana mungkin bagi interpretasi kebudayaan atau untuk kepentingan-kepentingan antropologi. Dapat dilihat bahawa pada aras ini data-data linguistik dijadikan sebagai sumber dan dengan itu seseorang pengkaji seharusnya juga mengetahui dengan baik sesuatu bahasa yang masyarakat atau kelompoknya yang sedang atau ingin dikaji. Pengkaji-pengkaji berkenaan seharusnya dapat melihat aspek-aspek dalaman bahasa yang dikajinya dan dengan itu pengetahuan-pengetahuan tentang linguistik sememangnya merupakan suatu keperluan kepada ahli-ahli antropologi yang berkenaan. Kajian-kajian boleh berlandaskan kepada perspektif diakronik ataupun perspektif sinkronik.

Aras yang ketiga iaitu aras yang berkait dengan penghuraian teoretis adalah berbeza. Kajian-kajian pada aras ini cuba memperlihatkan atau mencari sekiranya ada perkaitan misalnya di antara teori-teori tentang bahasa dengan teori-teori tentang kebudayaan. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa pemahaman tentang kedua-dua disiplin iaitu antropologi dan linguistik adalah perlu. Dalam konteks ini pengkaji tidak melibatkan diri tentang pembelajaran sesuatu bahasa atau memanfaatkan data-data bahasa sebagaimana yang dilakukan pada aras kedua seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Sekiranya ketiga-tiga aras sebagaimana yang telah dinyatakan itu dibandingkan antara satu dengan yang lain, dan dilihat pula sebagai suatu keseluruhan, dapat dibuat kesimpulan bahawa aras yang kedua (iaitu menggunakan data-data linguistik untuk tujuan-tujuan antropologi sama ada yang melibatkan perspektif diakronik mahupun yang melibatkan perspektif sinkronik) merupakan aras yang 'darjahnya' lebih berkait dengan antropologi-linguistik. Dalam konteks ini data-data linguistik dijadikan sebagai sumber atau bahan analisis. Contoh kajian seumpama ini dapat dilihat dari kajian Von Wartburg, seorang sarjana Belanda (Ardener 1971: XXV).

Von Wartburg telah mengkaji istilah-istilah kekerabatan dalam bahasa-bahasa Latin dan juga Perancis. Kajian yang melibatkan data-data linguistik berhubung dengan kekeluargaan ini dimanfaatkan bagi memaparkan aspek yang ada kaitannya dengan perubahan sosial. Von Wartburg mendapati bahawa dalam bahasa Latin terdapat istilah-istilah tertentu bagi bapa saudara sebelah bapa, bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah bapa dan ibu saudara sebelah ibu. Bapa saudara sebelah bapa dikenali sebagai *patruss*: bapa saudara sebelah ibu, *avunculus*; ibu

saudara sebelah ibu, *amita*; dan ibu saudara sebelah bapa, *matertera*. Dalam bahasa Perancis iaitu bahasa yang diturunkan dari bahasa Latin, bapa saudara sama ada pada sebelah bapa mahupun bapa saudara pada sebelah ibu cuma disebut dengan satu istilah yang sama iaitu *oncle*. Ibu saudara sebelah bapa dan ibu saudara sebelah ibu juga disebut dengan suatu istilah sahaja iaitu *tante*. Seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 1, terdapat *change in structures of interlocking categories*.



RAJAH 1. Perubahan yang Melibatkan 'Peyempitan' Istilah Kekeluargaan dari Bahasa Latin ke Bahasa Perancis

Mengikut keterangan Von Wartburg, analisis data-data linguistik seperti yang dijelaskan ini memperlihatkan bahawa dalam masyarakat Perancis, terdapat hubungan yang longgar di antara ego dengan bapa saudara sebelah bapa mahupun bapa saudara sebelah ibu; dan juga dengan ibu saudara sebelah ibu mahupun ibu saudara sebelah bapa berbanding dengan hubungan kekerabatan dalam masyarakat Latin pada zaman yang lebih terdahulu. Berhubung dengan perkara ini, Ardenar (1971:XXV) menjelaskan:

Von Wartburg points out in an essentially anthropological way that we are dealing with a weakening of the difference in legal status of patrilineal and matrilineal relatives in relation to ego, which has been so important in the older Latin systems.

Dilihat sebagai suatu keseluruhan, kajian yang dilakukan oleh Von Wartburg adalah berasaskan kepada perubahan linguistik; istilah-istilah kekerabatan sebagaimana yang digunakan dalam masyarakat Latin telah berubah dalam generasi masyarakat Perancis. Dari empat istilah yang bersifat khusus, ia bertukar menjadi dua istilah sahaja. Dapat dilihat bahawa perubahan linguistik adalah selaras dengan perubahan sosial atau

budaya. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini premis antropologi-linguistik yang berteraskan kepada perspektif diakronik ialah perubahan linguistik dapat mencerminkan perubahan-perubahan sosial dan budaya yang telah berlaku.

Telah dinyatakan bahawa aras ketiga iaitu salah satu aras yang melibatkan ahli-ahli antropologi tentang bahasa ialah wujudnya usaha mencari sekiranya ada perkaitan misalnya di antara teori-teori tentang bahasa dengan teori-teori tentang linguistik. Contoh penglibatan ahli-ahli antropologi berkait dengan aras yang berkenaan dengan jelasnya dapat dilihat dari usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Levi-Strauss. Dalam *Structural Antropology*, Levi-Strauss (1963) cuba memperlihatkan (1) hubungan di antara sesuatu bahasa yang tertentu dengan kebudayaan bagi masyarakat yang menuturkan bahasa berkenaan, (2) hubungan di antara bahasa dengan kebudayaan (sebagai suatu keseluruhan), dan (3) hubungan di antara antropologi dengan linguistik sebagai suatu disiplin yang bersifat saintifik. Dapat dilihat bahawa teori strukturalisma yang dikemukakan oleh Levi-Strauss sebagai suatu teori dalam bidang antropologi adalah berkait dengan teori strukturalisma dalam bidang linguistik. Hakikat ini dengan jelasnya dapat dilihat dari kenyataan Levi-Strauss tentang perkaedahan dalam bidang linguistik struktural. Dengan menyebut kembali rumusan-rumusan yang diberi oleh N. Troubetzkoy, Levi Strauss (1963:33) menjelaskan:

First, structural linguistics shift from the study of conscious linguistic phenomena to the study of their unconscious infrastructure; second, it does not treat terms as independent entities, taking instead as its basis of analysis the relations between them; third, it introduces the concept of system....; finally structural linguistics aims at discovering general laws, either by induction or by logical deduction, which would give them an absolute character.

Terdapatnya usaha Levi-Strauss untuk mengaitkan teori linguistik iaitu linguistik struktural dengan teori strukturalisma yang diasaskannya dapat dilihat dengan jelas dari kenyataan Levi-Strauss (1963:71) tentang eratnya perkaitan di antara bahasa dan kebudayaan. Beliau menjelaskan:

If we try to formulate our problem in purely theoretical terms, then it seems to me that we are entitled to affirm that there should be some kind of relationship between language and culture, because language has taken thousands of years to develop, and culture has taken thousands of years to develop, and both processes have been taking place side by side within the same minds.

Sekiranya diteliti dengan cermat tentang ketiga-tiga aras sebagaimana yang dimaksudkan itu dapat dilihat bahawa penglibatan antropologi dalam bidang bahasa atau linguistik adalah pada beberapa situasi yang berlainan. Aras yang kedua iaitu aras yang melibatkan analisis data-data antropologi bagi kepentingan-kepentingan antropologi (misalnya sebagaimana yang dilakukan oleh Von Wartberg) adalah jelas tergolong sebagai

bidang antropologi-linguistik; usaha-usaha mempelajari sesuatu bahasa yang bersifat *exotic* atau asing bagi tujuan supaya sesuatu kajian itu dapat dijalankan dengan lebih berkesan adalah agak sama kedudukannya dengan usaha-usaha yang cuba memperlihatkan pertalian di antara teori-teori bahasa dengan teori-teori linguistik. Penulis mempunyai pandangan bahawa aras pertama dan aras kedua sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini kurang eratnya dengan bidang antropologi-linguistik.

Suatu permasalahan yang jelas berhubung dengan antropologi-linguistik ialah tentang nama disiplin ini sendiri. Sebagaimana yang telah dijelaskan pada bahagian awal, selain *linguistic anthropology* bidang berkenaan juga disebut sebagai *anthropological linguistics*; *linguistic anthropology* menonjolkan antropologi sebagai fokus dan dalam struktur *anthropological linguistics* bidang linguistik dijadikan tumpuan. Pada hari ini kedua-dua istilah ini boleh menggantikan antara satu dengan yang lain. Situasi seumpama ini sememangnya amat wajar kerana dalam sesuatu kajian atau penulisan antropologi, linguistik turut dijadikan sebagai gandingan; dan kadangkala dalam sesuatu kajian atau penulisan linguistik, turut disentuh fenomena kebudayaan yang biasanya menjadi bahan penelitian dalam antropologi.

Dalam konteks cuba menilai sama ada sesuatu kajian itu bersifat antropologi-linguistik atau tidak, matlamat dan jenis data yang dijadikan sebagai sumber dalam sesuatu kajian yang dijalankan itu adalah dua perkara penting yang dapat dijadikan sebagai ukuran. Matlamat dalam sesuatu kajian yang bersifat antropologi linguistik adalah berkait dengan soal-soal kebudayaan dan data-data yang dijadikan sebagai sumber ialah bahasa. Dengan menggunakan dua kriteria seperti yang dijelaskan ini dapat dilihat bahawa sama ada suatu kajian dalam bidang antropologi ataupun sesuatu kajian dalam bidang linguistik wajar digolongkan sebagai kajian yang bersifat antropologi-linguistik sekiranya mempunyai matlamat yang ada kaitannya dengan kebudayaan dan sumber yang dijadikan bahan analisis ialah data-data linguistik.

Berdasarkan kepada dua petunjuk tentang bidang antropologi-linguistik, penggunaan istilah-istilah sama ada *linguistic anthropology* atau pun *anthropological linguistics* dapat difahami dengan lebih baik; tidak lagi timbul persoalan mengapakah wujudnya fokus yang berlainan dalam jodol-jodol yang berlainan tetapi merujuk kepada suatu bidang yang sama itu. Kajian antropologi-linguistik bukanlah sahaja terbatas kepada kajian antropologi tetapi terdapat juga kajian linguistik yang dilakukan khusus bagi memmanifestasikan fenomena yang ada kaitannya dengan kebudayaan.

Kajian atau penulisan yang dilakukan oleh Tham Seong Chee (1977) yang berjodol *Language and Cognition – An Analysis of the Thought and Culture of the Malays* adalah salah satu contoh kajian linguistik yang cuba memperlihatkan perkaitan di antara aspek kognisi orang-orang Melayu

dengan bahasa Melayu. Aspek-aspek kognisi yang cuba diperlihatkan oleh Tham Seong Chee adalah berdasarkan kepada data-data linguistik dalam bahasa Melayu itu sendiri. Aspek-aspek kognisi yang diperlihatkan itu adalah secara langsung berkait dengan alam persekitaran yang ada kaitannya dengan kebudayaan.

Oleh kerana data-data yang digunakan oleh Tham Seong Chee ialah data-data linguistik, maka adalah wajar menggolongkan kandungan perbincangan Tham Seong Chee sebagai antropologi-linguistik. Penghuraian Asmah Hj. Omar (1986) dalam "Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu" adalah juga berkait dengan antropologi-linguistik. Di antara perkara yang dibincangkan ialah hubungan di antara perbendaharaan kata dengan kehidupan orang Melayu atau petani Melayu di Kedah.

Dari penjelasan Hymes (1983) dalam bukunya *Essays in the History of Linguistic Anthropology*, dapat dilihat bahawa bidang antropologi-linguistik ini adalah luas. Walau bagaimanapun amat sukar menentukan batasan atau pinggirannya yang menjadi sempadan sama ada dengan antropologi tulen atau pun linguistik tulen. Situasi yang seumpama ini menyebabkan seseorang tokoh dapat dilihat sebagai ahli antropologi dan tokoh yang sama juga boleh dilihat sebagai seorang pengkaji yang menceburkan diri dalam bidang antropologi-linguistik. Seseorang ahli linguistik juga boleh merupakan seorang *linguist* dan ianya juga boleh dianggap sebagai seorang ahli antropologi linguistik. Yang menjadi faktor penentu kepada bidang yang mereka ceburi ialah matlamat kajian dan jenis-jenis data yang dijadikan sebagai sumber untuk dianalisis. Sama ada sesuatu kajian itu berlandaskan kepada perspektif sinkronik ataupun yang bertentangan dengannya iaitu perspektif diakronik, wajar digolongkan sebagai antropologi-linguistik sekiranya melibatkan penggunaan data-data linguistik bagi interpretasi atau manifestasi kebudayaan.

Kebudayaan Melayu pada zaman silam khususnya sebelum kedatangan Islam adalah penuh dengan berbagai-bagai kesamaran. Hakikat ini pernah disentuh oleh Tregonning (1964:20). Selanjutnya Tregonning memberikan saranan agar kajian yang dibuat seharusnya berlandaskan kepada kajian yang bersifat multi-disiplin. Bidang antropologi-linguistik adalah suatu bidang yang juga bersifat multi-disiplin dan dengan yang demikian amatlah wajar memanfaatkan bidang ini bagi mengkaji kebudayaan Melayu khususnya fenomena yang tidak dapat dicerminkan kembali melalui kajian arkeologi.

#### RUJUKAN

- Ardener, Edwin. 1971. *Social Anthropology and Language*. New York: Tavistock Publication.
- Asmah Hj. Omar. 1986. *Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Blust, R.A. 1986. *Rekonstruksi Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*. Kertas kerja Bengkel Antarabangsa Sejarah Bahasa Melayu 19 – 21 Ogos, di Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James, T. 1986. *Penyusunan Salsilah Bahasa di Malaysia*. (Kumpulan Karya R.A. Blust) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dahl, Otto Christian. 1977. *Proto Austronesian*. London: Curzon Press, Ltd.
- Hymes, Dell H. 1983. *Essays in The History of Linguistic Anthropology*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Hojjer, Harry, (ed.). 1954. *Language in Culture*. Chicago: University of Chicago Press.
- Honigman, John J. (ed.). 1973. *Handbook of Social and Cultural Anthropology*. Chicago: Rand McNally Colledge Publishing Company.
- Hungerford, Robinson & Sledd. 1970. *English Linguistics*. Illinois: Scott, Foresman and Company.
- Jespersen, Otto. 1969. *Language. Its Nature, Development and Origin*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Lehmann, Winfred, P. 1973. *Historical Linguistics*. New York: Rinehart and Winston, Inc.
- McCormack, William & Wurm, Stephen A. 1977. *Language and Thought – Anthropological Issues*. Paris: Mouton Publishers.
- Malmberg, Bertil. 1972. *Readings in Modern Linguistics*. Stockholm: Kungl. Stockholm: Boktryckeriet P.A. Norstedt & Sone.
- Mathews. 1974. *Morfology – An Introduction to the Theory of Word-Structure*. London: Cambridge University Press.
- Meetham, A. R. (ed.). 1969. *Encyclopedia of Linguistics, Information and Control*. Japan: Toppan Printing Company Ltd.
- Neill, Wilfred T. 1973. *Twentieth-Century Indonesia*. New York: Columbia University Press.
- Rauch, Irmengard & Carr, Gerald F. (ed.) 1979. *Linguistic Method*. The Hague: Mouton Publishers.
- Saussure, Ferdinand De. 1964. *Course in General Linguistics*. London: Peter Owen.
- Schlauch, Margaret. 1967. *Language and the Study of Languages Today*. London: Oxford University Press.
- Smith, Allen H. & Fischer, John L. (ed.) 1970. *The Behavioral and Social Sciences Survey*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.,
- Strauss, Claude Levi. 1963. *Structural Anthropology*. New York: Basic Books, Inc.,
- Sommerfelt, Alf. 1962. *Diachronic and Synchronic Aspects of Language*. S-Gravenhage: Mouton & Co.
- Tham Seong Chee. 1977. *An Analysis of the Thought and Culture of the Malays*. Singapore: Chopmen.
- Tregonning, K.G. 1964. *A History of Modern Malaya*. London: University of London Press.

Jabatan Persuratan Melayu  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor D.E., Malaysia.